



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

SEKOLAH ANGKAT MADANI (SAM) SPA: KOMITMEN PERKUKUH KUALITI PENDIDIKAN

SEBERANG PERAI SELATAN, 19 November 2025 – YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merangkap Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP), hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Aset Sekolah Angkat MADANI SPA melibatkan dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Bakap, Pulau Pinang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Syed Sheh Barakbah, Pulau Pinang. Majlis turut dihadiri oleh YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal.

Sekolah Kebangsaan Sungai Bakap dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Syed Sheh Barakbah telah dipilih sebagai Sekolah Angkat MADANI (SAM) SPA berdasarkan potensi tinggi sekolah untuk menjadi model pembangunan komuniti setempat, khususnya dalam pengukuhan aktiviti pembelajaran dan kokurikulum. Selain itu, ia turut didorong keperluan peningkatan infrastruktur pendidikan yang dikenal pasti melalui tinjauan lapangan serta komitmen pentadbir sekolah dalam meningkatkan prestasi pelajar secara holistik.

Melalui program ini, setiap sekolah telah menerima peruntukan sebanyak RM100,000.00 bagi pelaksanaan perolehan aset, program keceriaan sekolah, pembangunan pendidikan pelajar sekolah serta perkhidmatan sosial yang merangkumi penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan pembelajaran. Ia termasuk kerja-kerja menaik taraf makmal komputer, bilik mesyuarat, dewan sekolah, perolehan peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) seperti papan pintar (*smart board*), televisyen pintar (*smart TV*), peranti elektronik skrin sentuh (*tablet*), set dron, set robotik dan lain-lain.

Pelaksanaan projek yang bermula pada Mei 2025 telah disiapkan sepenuhnya pada November 2025, selaras dengan jadual yang ditetapkan. Kejayaan ini menjadi simbol komitmen SPA dalam mendukung usaha kerajaan untuk memperkukuh kualiti hidup dan pendidikan rakyat.

Inisiatif ini memberi tumpuan kepada penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta menggalakkan kerjasama erat antara agensi kerajaan bagi melahirkan generasi yang berilmu, berdaya saing dan bersahsiah tinggi seiring dengan agenda MADANI yang mengutamakan pembangunan holistik dan kesejahteraan rakyat melalui pengukuhan ekosistem pendidikan inklusif.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
19 NOVEMBER 2025